

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 1 2 2

1.0 PERNYATAAN POLISI

Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini dirujuk sebagai “LRTSB”*) komited untuk menjalankan semua aktiviti perniagaan secara beretika, telus dan bertanggungjawab selaras dengan undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa. Polisi ini menggariskan tatakelakuan profesional dan etika yang wajib dipatuhi semua warga kerja LRTSB dan anak syarikatnya (*selepas ini dirujuk sebagai “Kumpulan”*) bagi memastikan integriti dan imej syarikat terpelihara.

2.0 PENGENALAN

2.1 Apakah Kod Etika Perniagaan (*Code of Business Ethics* (CoBE))

2.1.1 Kod Etika Perniagaan LRTSB (*selepas ini dirujuk sebagai “Kod”*) adalah satu panduan yang menggariskan kelakuan yang boleh diterima dan kelakuan yang tidak boleh diterima dari perspektif undang-undang dan etika untuk Kumpulan dalam menjalankan perniagaan/urusan Kumpulan.

2.1.2 Ia merupakan asas kepada komitmen Kumpulan terhadap integriti. Di mana sahaja kami beroperasi, kami akan mematuhi:

- Semua keperluan tertakluk kepada undang-undang, dan
- Piawaian Etika yang telah ditetapkan di dalam Kod ini

2.1.3 Kod ini hendaklah dibaca bersama dengan polisi dan prosedur Kumpulan yang berkaitan dan undang-undang yang digunapakai, peraturan dan undang-undang yang berlaku dengan penuh integriti dan kejujuran dalam semua keadaan. Jika perbezaan wujud antara Kod dan peraturan tempatan hasil daripada adat norma perniagaan, kita hendaklah menggunakan perlakuan yang mana lebih menggariskan standard tertinggi.

2.1.4 Di dalam Kod ini, perkataan “kita” dan “kami” digunakan silih berganti untuk merujuk kepada Kumpulan secara umum. Perkataan “anda” digunakan untuk merujuk kepada semua Pengarah, Warga kerja (dan di mana berkenaan, Rakan Sejawat dan Rakan Perniagaan)

2.1.5 Kod ini akan disemak semula setiap tiga tahun sekali atau apabila perlu dan sekiranya terdapat sebarang perubahan yang besar. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui memorandum dalaman yang akan diedarkan terlebih dahulu.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 2 2 2

2.1.6 Sebarang semakan terhadap Kod ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LRTSB.

3.0 OBJEKTIF POLISI

- 3.1 Memastikan imej Kumpulan terpelihara dan dibanggakan oleh warganya.
- 3.2 Mewujudkan keseragaman dalam pelaksanaan operasi dan diterimapakai oleh semua warga kerja Kumpulan.
- 3.3 Mencegah daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa, salah laku, penyelewengan dan segala bentuk rasuah di kalangan warga kerja Kumpulan.

4.0 PEMAKAIAN KOD

- 4.1 Kod ini terpakai kepada LRTSB dan anak syarikatnya.
- 4.2 Kod ini terpakai kepada semua ahli Ahli Lembaga Pengarah (eksekutif atau bukan eksekutif) dan warga kerja Kumpulan, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Kod ini.
- 4.3 Syarikat-syarikat usahasama dan bersekutu, di mana Kumpulan bukanlah pihak berkepentingan yang mengawal, digalakkan untuk menggunapakai amalan ini atau yang bersamaan dengannya.
- 4.4 Walaupun Kod ini ditulis secara khusus untuk pengarah-pengarah dan warga kerja Kumpulan, Kumpulan berharap pihak ketiga yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan mematuhi Kod ini semasa melakukan kerja atau perkhidmatan mereka. Pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada kontraktor-kontraktor, sub-kontraktor, perunding, agen-agen, pembekal, vendor, pelanggan, pegawai kerajaan dan komuniti. Kegagalan untuk mematuhi prinsip-prinsip dan piawaian-piawaian yang digariskan dalam Kod ini boleh mengakibatkan penamatan hubungan pihak yang tidak mematuhi dengan Kumpulan dan lain-lain akibat yang merugikan.
- 4.5 Piawaian yang dinyatakan dalam Kod ini harus digunakan sebagai rujukan dan garis panduan dan tidak bermaksud untuk menggantikan undang-undang serta peraturan yang digariskan oleh kerajaan persekutuan dan negeri.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 3 2 2

5.0 TANGGUNGJAWAB DAN PEMATUHAN TERHADAP KOD

- 5.1 Warga kerja Kumpulan, rakan perniagaan, ejen dan wakil perniagaannya hendaklah bertindak dan bekerja dengan jujur dan berintegriti pada setiap masa dan mematuhi Kod ini.
- 5.2 Kami tidak akan bertolak ansur dengan perlakuan tidak wajar atau mengingkari Kod ini atau sebarang undang-undang yang terpakai. Semua insiden pengingkaran, sama ada berkaitan dengan diri anda, warga kerja di bawah seliaan anda atau orang lain perlu dilaporkan kepada pegawai/jabatan yang sewajarnya dalam Kumpulan.
- 5.3 Semua pihak hendaklah mematuhi semua polisi dan prosedur lain yang terpakai yang dikeluarkan oleh Kumpulan dari semasa ke semasa.
- 5.4 Semua Lembaga Pengarah dan warga kerja Kumpulan harus mematuhi prinsip-prinsip dan keperluan yang terkandung di dalam Kod ini dan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa individu lain atau entiti yang menjalankan perniagaan bagi pihak Kumpulan, termasuk kontraktor, pembekal, perunding dan rakan niaga yang lain berbuat demikian.
- 5.5 Setiap orang yang tertakluk kepada Kod ini mestilah mematuhi semua undang-undang yang dikuatkuasakan dan bertanggungjawab mengetahui undang-undang itu serta kandungan Kod ini. Tidak kira bila dan di mana, baik di luar waktu kerja atau tempat kerja, anda harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan, serta tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak bermoral atau aktiviti yang boleh mencemarkan imej syarikat.
- 5.6 Kumpulan menganggap setiap warga kerja adalah duta Kumpulan, tanpa mengira jawatan, gelaran, atau fungsi. Dengan mematuhi Kod ini, anda boleh menjadi warga kerja contoh yang bekerja dengan penuh etika dan berintegriti, serta menjadi ikutan terhadap orang lain.

5.7 Tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan

- 5.7.1 Sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan, anda tertakluk kepada tatalaku beretika. Kumpulan sentiasa berharap anda dapat menunjukkan tatalaku yang baik, Anda harus mendukung semangat dan objektif Kod ini, sentiasa menerapkan nilai-nilai teras dan memimpin dengan penuh integriti. Ini bermaksud anda harus:

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 4 2 2

- a. Memahami Kod ini dan berupaya menyampaikan mesej-mesej penting serta kandungannya;
- b. Membantu warga kerja memahami Kod ini dan juga polisi-polisi lain;
- c. Menunjukkan tatalaku yang baik secara konsisten;
- d. Berfikiran terbuka dan memberi peluang kepada warga kerja untuk membincangkan Kod ini dan masalah-masalah berkaitan etika;
- e. Menggalakkan warga kerja untuk bersuara mengenai sebarang salah laku tidak beretika tanpa rasa takut atau khuatir mengenai sebarang tindakan balas;
- f. Mengenali tatalaku beretika warga kerja;
- g. Tidak sekali-kali menafi atau mengabaikan kebimbangan yang disuarakan; dan
- h. Bertindak dengan penuh tanggungjawab sekiranya ada warga kerja yang melaporkan sebarang salah laku atau syak mengenai pelanggaran Kod ini.

5.8 Tanggungjawab Warga Kerja Kumpulan

- 5.8.1 Setiap orang hendaklah memahami Kod ini dan mematuhi pada setiap masa dan di mana sahaja berada. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk bekerja dengan penuh integriti, rasa hormat, pertimbangan yang baik, dan sentiasa mematuhi undang-undang.
- 5.8.2 Semua warga kerja bertanggungjawab untuk:
 - a. Memahami sepenuhnya Kod ini dan mengetahui cara mengaksesnya, serta menerapkannya;
 - b. Mematuhi peruntukan dan perundangan yang berkaitan, peraturan dan undang-undang dan semua polisi serta prosedur Kumpulan.
 - c. Menyuarakan kemusykilan dengan segera apabila timbul keraguan;

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 5 2 2

d. Bersuara jika sekiranya anda rasa ada pelanggaran terhadap Kod ini, atau berlaku sebarang aktiviti atau tatalaku yang berpotensi melanggar Kod ini; dan

e. Bekerjasama dengan pegawai penyiasat dan pihak berkuasa.

5.8.3 Perkara-perkara yang dinyatakan di atas adalah tanggungjawab yang sangat penting dan semua warga kerja hendaklah mengambil serius tentangnya. Kod ini tidak dapat merangkumi setiap situasi yang mungkin anda alami, dan anda harus menggunakan pertimbangan yang baik untuk menentukan sama ada tindakan anda selari dengan nilai-nilai teras syarikat. Jika timbul sebarang keraguan atau ketidakpastian, anda hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan Sumber Manusia atau Integriti.

5.9 Pelanggaran Kod

5.9.1 Setiap ahli Kumpulan perlu bertanggungjawab terhadap tatalaku mereka. Sebarang tindakan yang melanggar Kod ini adalah dianggap kesalahan serius dan akan ditangani oleh pihak yang berkenaan seperti Jabatan Sumber Manusia, Integriti dan sebagainya. Pihak yang berkenaan akan menentukan tindakan tatatertib dan pembetulan yang akan dikenakan selaras dengan polisi dan prosedur operasi standard.

5.9.2 Sesiapa yang didapati bersalah atau melanggar Kod ini akan dikenakan tindakan tatatertib yang mungkin termasuk pembayaran balik kerugian kewangan dan penamatan warga kerjaan bergantung kepada keputusan pihak yang berkenaan dalam Kumpulan.

5.9.3 Sekiranya berlaku pelanggaran tertentu (cth: rasuah dan jenayah komersial) yang boleh mengakibatkan pendakwaan jenayah, perkara tersebut harus dirujuk kepada pihak berkuasa berkenaan, cth: Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

5.9.4 Anda bertanggungjawab untuk memastikan piawaian Kod ini dipatuhi. Sekiranya anda tahu atau mengesyaki sebarang salah laku, laporkannya dengan segera. Anda boleh berbincang dahulu dengan pegawai atasan yang anda selesa atau laporkan terus kepada Ketua Jabatan Sumber Manusia atau Integriti. Aduan juga boleh dibuat melalui saluran pelaporan salah laku Kumpulan yang selamat.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 6 2 2

6.0 BUDAYA DAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA

- 6.1 Kumpulan komited untuk memastikan persekitaran terangcum dan setiap orang dilayan dengan hormat, penuh kepercayaan dan bermaruah.
- 6.2 Hormat
 - 6.2.1 Anda perlu melayan pegawai atasan, rakan sejawat, orang bawahan dan pemegang taruh luar dengan hormat, penuh kepercayaan, jujur dan bermaruah.
- 6.3 Kesaksamaan dalam Pekerjaan
 - 6.3.1 Kumpulan menyediakan peluang yang sama untuk semua bagi memastikan segala keputusan berhubung kerja dibuat berdasarkan kelayakan, merit, prestasi, dan faktor-faktor berkaitan kerja dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang terpakai;
 - 6.3.2 Kumpulan turut menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi. Oleh itu, anda tidak boleh mengamalkan diskriminasi terhadap orang lain berdasarkan usia, jantina, bangsa, ketidakupayaan, kewarganegaraan, agama, atau kecenderungan seksual melainkan terdapat undang-undang dan peraturan khas tertentu yang secara jelas mengharuskan pemilihan mengikut kriteria tertentu.
- 6.4 Gangguan dan Kekerasan
 - 6.4.1 Sebarang bentuk gangguan dan keganasan adalah tidak dibenarkan. Perlakuan-perlakuan ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada komen menghina berkenaan jantina, bangsa atau ciri-ciri etnik, gangguan seksual, penyebaran fitnah dan khabar angin berniat jahat atau penggunaan e-mel, mel suara dan sebarang bentuk komunikasi lain untuk menghantar bahan-bahan berbentuk penghinaan dan diskriminasi.
 - 6.4.2 Anda tidak boleh terlibat atau mengambil bahagian dalam sebarang perilaku atau kegiatan yang boleh dikategorikan sebagai subversif atau melakukan kesalahan jenayah yang boleh dijatuhi hukuman menurut undang-undang mana-mana negara. Sekiranya anda didapati bersalah oleh mahkamah atau terlibat dengan kegiatan subversif dan jenayah, anda akan diadili mengikut polisi dan prosedur Kumpulan dan mungkin yang relevan dan boleh dipecat sebagai tindakan tatatertib.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 7 2 2

7.0 KOD PAKAIAN

- 7.1 Apabila mewakili Kumpulan, para pengarah dan warga kerja harus memastikan penampilan mereka mencerminkan profesionalisme termasuk mementingkan kebersihan dan kekemasan diri.
- 7.2 Semua pengarah harus berpakaian kemas, sesuai dan sopan apabila menghadiri mesyuarat dan setiap kali mereka mewakili Kumpulan.
- 7.3 Semua warga kerja harus berpakaian kemas, sesuai dan sopan semasa waktu pejabat / menjalankan tugas rasmi. Semua warga kerja harus mematuhi peraturan yang khusus berkaitan cara berpakaian yang mungkin dikenakan oleh mana-mana negara, sebagai tambahan kepada Kod ini yang terpakai kepada mereka atau ditetapkan oleh Kumpulan untuk sesuatu tempat kerja. Perkara ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Sumber Manusia berkenaan dengan "Garis Panduan mengenai Kod Pakaian di Tempat Kerja (jika ada).
- 7.4 Warga kerja hendaklah pada setiap masa ketika menjalankan tugas rasmi menunjukkan imej profesional dan korporat. Pengurusan bertanggungjawab untuk menguatkuasakan kod berpakaian dan garis panduan berpakaian di tempat kerja. Sekiranya terdapat sebarang persoalan yang berkaitan, warga kerja boleh berbincang dengan pihak Pengurusan atau ketua jabatan serta berunding dengan Unit Sumber Manusia.

8.0 KESIHATAN, KESELAMATAN & PERSEKITARAN

- 8.1 Kumpulan komited untuk menyediakan tempat kerja yang baik, selaras dengan amalan terbaik piawaian kesihatan, keselamatan dan persekitaran, yang melindungi kesihatan dan kebajikan warga kerja di seluruh lokasi dan premis Kumpulan. Kumpulan menguatkuasakan polisi dalaman berkenaan keselamatan dan kesihatan yang wajib diamalkan serta dipatuhi oleh setiap warga kerja. Polisi ini juga berkuatkuasa di luar premis Kumpulan, contohnya semasa acara luar syarikat. Sebarang unsur persekitaran yang tidak selamat hendaklah dilaporkan kepada jabatan berkaitan (OSH & Pensijilan) Kumpulan.
- 8.2 Semua warga kerja dan pihak ketiga yang berkaitan harus berhati-hati dan mematuhi semua keperluan kesihatan, keselamatan dan persekitaran, kaedah, peraturan kerja dan prosedur operasi standard yang terdapat dalam manual, buku panduan dan / atau dokumen yang dikeluarkan oleh Kumpulan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 8 2 2

- 8.3 Pengurusan perlu menunjukkan daya kepimpinan dengan memastikan semua dokumen disemak secara berkala dan dikemaskini selaras dengan peraturan dan undang-undang yang terpakai seperti Akta Pekerjaan, Keselamatan dan Kesihatan (OSHA).

9.0 ALKOHOL, DADAH DAN JUDI

- 9.1 Kumpulan komited dalam menyediakan persekitaran kerja dan perniagaan yang bebas daripada alkohol dan penyalahgunaan dadah / bahan terlarang. Oleh itu, menggunakan atau berada di bawah pengaruh alkohol atau bahan terlarang semasa bekerja adalah dilarang sama sekali, manakala merokok dan menghisap *vape* hanya dibenarkan di tempat-tempat yang telah ditetapkan.
- 9.2 Semua pengarah dan warga kerja bertanggungjawab memastikan mereka patuh kepada peraturan dan undang-undang yang terpakai.
- 9.3 Sebarang bentuk perjudian, termasuk membuat atau mengambil pertaruhan, permainan kad, sama ada melibatkan wang atau tidak, adalah dilarang sama sekali di dalam premis Kumpulan pada setiap masa.
- 9.4 Perjudian dalam talian menggunakan kemudahan di pejabat Kumpulan dan / atau premis Kumpulan adalah dilarang sama sekali pada setiap masa.

10.0 GANGGUAN SEKSUAL

- 10.1 Kumpulan komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang selamat untuk semua warga kerjanya dengan memastikan mereka dilindungi dari segala bentuk gangguan seksual.
- 10.1.1 "Gangguan seksual" didefinisikan sebagai sebarang gangguan yang tidak diinginkan sama ada dalam bentuk lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal.
- 10.1.2 Yang mungkin, atas alasan yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai syarat dalam bentuk seksual terhadap pekerjaannya; atau yang mungkin, atas alasan yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai kesalahan, penghinaan atau ancaman terhadap dirinya, tetapi tidak berkaitan dengan pekerjaannya.
- 10.2 Gangguan seksual di tempat kerja merangkumi sebarang gangguan seksual yang berlaku ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sama ada di dalam atau di luar tempat kerja.
- 10.3 Gangguan seksual boleh berlaku tetapi tidak terhad kepada tempat-tempat berikut:

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 9 2 2

- a. Di tempat kerja
- b. Di majlis sosial Kumpulan
- c. Di persidangan atau sesi latihan yang berkaitan dengan kerja
- d. Semasa perjalanan kerana urusan kerja
- e. Melalui telefon; dan
- f. Menerusi media elektronik.

- 10.4 Sebarang bentuk gangguan seksual, ajakan serta merapati secara seksual yang tidak diminta atau diinginkan perlu dianggap sebagai salah laku dan pihak yang terlibat akan menjalani siasatan dalaman dan boleh membawa kepada pemecatan (atau dalam kes pihak ketiga, penamatan hubungan perniagaan).
- 10.5 Sebarang aduan mengenai gangguan seksual boleh dibuat melalui e-mel, secara bertulis atau secara lisan kepada jabatan Sumber Manusia. Sekiranya anda berasa kurang selesa, anda boleh membuat aduan melalui saluran pelaporan salah laku Kumpulan yang selamat.

11.0 GANGGUAN DAN BULI

- 11.1 Kumpulan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan atau buli di tempat kerja. Gangguan adalah perlakuan yang tidak diinginkan, memalukan, menakutkan dan menjengkelkan. Buli bermaksud gangguan lisan, fizikal, sosial atau secara psikologi yang berulang oleh individu atau kumpulan.
- 11.2 Gangguan dan buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, contohnya tindakan fizikal, lisan dan bertulis, serta imej dan video. Walaupun bentuknya pelbagai, kesemuanya mampu mengganggu prestasi kerja dan persekitaran tempat kerja.
- 11.3 Gangguan atau buli boleh berlaku tanpa niat untuk memudaratkan. Ini termasuk tindakan seperti berjenaka, usikan mahu pun pujian. Oleh itu, anda harus beringat dan berhati-hati sebelum melakukan tindakan tersebut.
- 11.4 Anda sepatutnya tidak terkeliru antara gangguan atau buli dengan maklum balas positif atau latihan berkaitan prestasi kerja yang bertujuan untuk penambahbaikan.
- 11.5 Sebarang aduan mengenai gangguan atau buli boleh dibuat melalui e-mel, secara bertulis mahu pun lisan kepada Sumber Manusia. Jika kurang selesa, anda boleh membuat aduan melalui saluran pelaporan salah laku yang selamat.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 10 2 2

12.0 HUBUNGAN TEMPAT KERJA YANG BUKAN PROFESIONAL

- 12.1 Sekiranya anda mempunyai hubungan melebihi hubungan profesional dan sosial, dikhuatiri hubungan tersebut boleh menimbulkan konflik kepentingan dan juga pilih kasih atau sikap berat sebelah sama ada ianya sebenarnya begitu atau mungkin hanya anggapan. Hubungan sedemikian boleh memberi kesan kepada nilai-nilai teras, seperti rasa hormat dan kepercayaan di kalangan warga kerja, selain daripada menjejaskan reputasi dan integriti Kumpulan. Hubungan ini juga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati, menjejaskan keharmonian serta menimbulkan masalah kepada pihak yang berkenaan dan warga kerja lain dalam Kumpulan. Oleh itu, hubungan sedemikian tidak digalakkan. Terma pekerjaan anda mungkin mengandungi syarat-syarat tambahan berkenaan hubungan di tempat kerja.
- 12.2 Konflik kepentingan asas akan wujud apabila anda berurusan dengan seseorang yang merupakan ahli keluarga anda atau sesiapa yang mempunyai hubungan romantik atau intim dengan anda. Walaupun tindakan anda betul, hubungan anda mungkin dilihat mempengaruhi keputusan anda. Oleh itu, anda harus mengisytiharkan sebarang hubungan sedemikian dan tidak boleh menyelia, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung mana-mana warga kerja yang mempunyai hubungan dengan anda tanpa kebenaran bertulis daripada Pengurusan (dalam kes pengarah, daripada Lembaga Pengarah).

13.0 MELINDUNGI ASET KUMPULAN

- 13.1 Aset kumpulan merangkumi semua aset ketara dan tidak ketara yang dimiliki secara sah atau disewa secara sah oleh Kumpulan melalui pembelian, pajakan, konsesi, geran dan lain-lain, atau aset-aset lain yang perlu dilindungi daripada kerugian atau kerosakan oleh Kumpulan melalui kewajipan kontrak.
- 13.2 Aset-aset Kumpulan wujud dalam pelbagai bentuk, sama ada fizikal atau bukan fizikal, seperti kemudahan, peralatan, kelengkapan, inventori, dana, IT, harta intelek, maklumat dan data, jenama dan reputasi, dan lain-lain.
- 13.3 Penggunaan aset Kumpulan untuk kepentingan peribadi adalah dilarang. Pada setiap masa, aset Kumpulan perlu digunakan untuk urusan kerja selaras dengan prosedur dan polisi Kumpulan, serta undang-undang dan peraturan yang terpakai. Kumpulan juga berhak untuk memantau dan, jika perlu, menghentikan penggunaan aset anda pada bila-bila masa, tertakluk kepada undang-undang yang terpakai.
- 13.4 Apabila anda berkhidmat dengan Kumpulan, bermakna anda bertanggungjawab untuk memastikan aset-aset yang ada tidak dicuri, digelapkan, rosak, atau disalah guna. Ini

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 11 2 2

termasuk melindungi aset tersebut daripada dimusnah, dihapus, dijual, dipinjam atau diderma tanpa kebenaran. Selaras dengan undang-undang yang terpakai, anda boleh dipertanggungjawabkan dan dihukum sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan aset Kumpulan akibat salah laku, kecuaiian atau tindakan yang diambil tanpa kebenaran.

14.0 PENGGUNAAN MAKLUMAT

- 14.1 Maklumat sulit adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada kontrak, pelan perniagaan, butiran teknikal, dan maklumat warga kerja yang tidak didedahkan oleh Kumpulan kepada umum. Maklumat pemilikan pula merangkumi, tetapi tidak terhad kepada e-mel, dokumen lain, sama ada dalam bentuk elektronik atau bukan elektronik, yang disunting dan/atau disimpan dalam peralatan Kumpulan dianggap sebagai hak milik eksklusif Kumpulan.
- 14.2 Menjadi sebahagian daripada Kumpulan, bermakna anda bertanggungjawab melindungi maklumat sulit dan pemilikan pada setiap masa melalui sebarang cara, termasuk di luar tempat kerja, selepas waktu pejabat atau selepas anda menamatkan perkhidmatan.
- 14.3 Anda tidak boleh mendedahkan maklumat sulit dan maklumat pemilikan kepada sesiapa di luar Kumpulan, termasuk ahli keluarga dan rakan-rakan, kecuali apabila pendedahan diperlukan untuk perniagaan Kumpulan. Sekiranya anda dikehendaki mendedahkan sebarang maklumat sulit dan/atau pemilikan, pastikan anda segera melaporkannya secara bertulis kepada Kumpulan dan memperolehi kebenaran bertulis daripada Kumpulan sebelum pendedahan dilakukan. Anda juga tidak boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada sesiapa sahaja di dalam Syarikat melainkan kepada ahli-ahli yang terlibat. Sebarang pendedahan maklumat sulit dan pemilikan dianggap melanggar Kod ini dan boleh membawa kepada pemecatan serta-merta.
- 14.4 Kumpulan menghormati kerahsiaan orang lain. Anda tidak boleh membawa, mendedah atau menggunakan sebarang maklumat sulit bekas majikan anda tanpa kebenaran mereka. Warga kerja juga dikehendaki melindungi maklumat sulit pihak ketiga yang diakses melalui hubungan kerja. Begitu juga, di akhir tempoh pekerjaan atau penglibatan anda, anda juga dilarang daripada mendedah dan mengekalkan segala akses kepada maklumat Kumpulan tanpa kebenaran.

15.0 NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- 15.1 Data peribadi bermaksud sebarang maklumat transaksi komersil yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang individu. Individu tersebut dapat dikenal pasti melalui maklumat tersebut atau bersama maklumat lain, termasuk data peribadi yang sensitif atau luahan pendapat mengenai individu berkenaan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 12 2 2

- 15.2 Kumpulan menghormati dan komited untuk melindungi maklumat peribadi dan privasi warga kerjanya. Notis Perlindungan Data Peribadi yang diedarkan kepada warga kerja menjelaskan cara Kumpulan mengumpul dan mengendalikan maklumat warga kerja selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 ("APDP").
- 15.3 Semua pengarah dan warga kerja mesti mematuhi APDP. Di bawah Akta tersebut, pengguna data peribadi tidak boleh mendedahkan data tersebut kepada pihak ketiga tanpa kebenaran pemilik data, melainkan untuk tujuan asal ia dikumpulkan.
- 15.4 Semua warga kerja, terutamanya yang memiliki akses kepada data peribadi warga kerja, perunding, pelanggan, pembekal dan/atau pihak yang berkenaan dan melibatkan data diakses dan diproses, tidak boleh mengakses dan meminda data peribadi tersebut secara menyalahi undang-undang untuk sebarang alasan dan sebab.
- 15.5 Kumpulan telah menyediakan polisi prosedur yang perlu dipatuhi oleh warga kerjanya selaras dengan APDP. Oleh itu, anda hendaklah merekod, mengurus, menyimpan, memindah dan menghapuskan semua data dan rekod selaras dengan APDP dan peraturan, undang-undang, cukai dan keperluan perakaunan.

16.0 REKOD PERNIAGAAN, OPERASI DAN KEWANGAN

- 16.1 Rekod ini bukan sahaja meliputi akaun kewangan, tetapi juga rekod-rekod lain seperti laporan projek, rekod staf, dokumen undang-undang dan sebagainya. Sehubungan itu, semua warga kerja bertanggungjawab memastikan rekod-rekod perniagaan, operasi, dan kewangan adalah lengkap dan tepat.
- 16.2 Perekodan dan pelaporan maklumat kewangan yang tepat dan jujur adalah penting untuk menjaga kredibiliti dan reputasi Kumpulan. Maklumat palsu atau mengelirukan, dana dan aset yang tidak direkod serta pembayaran yang dibuat tanpa dokumentasi sokongan dan kelulusan yang sepatutnya adalah dilarang sama sekali dan menyalahi polisi Kumpulan, undang-undang, dan peraturan yang terpakai.
- 16.3 Kumpulan menetapkan dan mengekalkan prosedur dan kawalan dalaman untuk memastikan integriti pelaporan kewangan Kumpulan dan pematuhan undang-undang.
- 16.4 Penyimpanan dan pemusnahan dokumen dan rekod mesti mematuhi semua keperluan undang-undang dan polisi kewangan atau perakaunan. Adalah penting untuk menyimpan rekod seperti yang dikehendaki undang-undang untuk tujuan percukaian, audit dan kesetiausahaan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 13 2 2

17.0 TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SISTEM

- 17.1 Teknologi Maklumat (IT) dan sistem komunikasi Kumpulan hanya boleh digunakan untuk tujuan kerja dan perniagaan Kumpulan sahaja. Anda mungkin diberi akses kepada pelbagai sistem teknologi, internet, data, dan peralatan IT (cth. komputer, komputer riba, pencetak, dll.) yang merupakan aset mutlak Kumpulan.
- 17.2 Anda bertanggungjawab untuk melindungi IT dan data daripada sebarang kehilangan, kerosakan, kecurian, penyalahgunaan dan akses tanpa kebenaran dengan mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya. Ini bermakna anda hendaklah menggunakannya dengan sewajarnya pada setiap masa, selaras dengan polisi dan prosedur serta undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- 17.3 Penyalahgunaan IT, data, penyimpanan atau mengakses maklumat yang tidak dibenarkan dengan menggunakan sistem adalah dilarang. Anda tidak dibenarkan menggunakan kemudahan yang ada untuk kegunaan peribadi tanpa kebenaran. Kumpulan tidak akan bertolak ansur apabila perkhidmatan, peralatan, atau sistemnya digunakan dengan cara yang boleh menjejaskan reputasi dan kepentingannya.
- 17.4 Perisian yang digunakan oleh warga kerja untuk menjalankan perniagaan Kumpulan hendaklah berlesen. Membuat atau menggunakan salinan perisian haram atau tidak sah, sama ada di pejabat atau di rumah adalah dilarang sama sekali kerana ia boleh melanggar hak cipta dan mendedahkan anda dan Kumpulan kepada potensi liabiliti sivil dan jenayah. Jabatan IT Kumpulan akan memeriksa komputer-komputer syarikat secara berkala bagi mengesahkan hanya perisian yang diluluskan dan berlesen telah dipasang. Sebarang perisian yang tidak berlesen/tidak disokong akan dikeluarkan.
- 17.5 Kumpulan berhak memantau kandungan dalam komputer. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mesej, e-mel, blog, sejarah internet dan kandungan-kandungan lain. Sebarang maklumat yang diperolehi boleh digunakan sebagai bukti dalam prosiding dalaman dan mahkamah atau diserahkan kepada pihak berkuasa sekiranya perlu.

18.0 HARTA INTELEK

- 18.1 Warga kerja tidak boleh menggunakan harta intelek milik Kumpulan untuk kepentingan peribadi. Penggunaan harta intelek tanpa kebenaran boleh mengakibatkan kerugian dari segi nilai kepada Kumpulan. Contoh harta intelek termasuk paten, tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama domain, hak cipta, rahsia perdagangan, hak dalam pengetahuan, dan lain-lain.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 14 2 2

- 18.2 Nama dan logo korporat Kumpulan adalah aset yang tidak ternilai dan tidak ketara serta membawa nama baik Kumpulan. Ia hanya boleh digunakan urusan rasmi. Nama dan logo korporat mesti dihormati, dilindungi dan tidak boleh disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.
- 18.3 Oleh kerana harta intelek dilindungi oleh undang-undang, sebarang pelanggaran atau salah laku akan dikenakan hukuman menurut perintah dan undang0undang yang terpakai serta tindakan tatatertib oleh Kumpulan.

19.0 SALAH GUNA MAKLUMAT DAN INTEGRITI MAKLUMAT

- 19.1 Anda hendaklah melindungi semua maklumat sulit Kumpulan dan rakan perniagaannya. Maklumat tersebut tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi atau pihak lain tanpa kebenaran.
- 19.2 Anda dilarang menyalahgunakan maklumat dalaman yang belum didedahkan kepada umum untuk mendapatkan keuntungan atau kelebihan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- 19.3 Anda dianggap mempunyai maklumat dalaman sekiranya memiliki maklumat penting berkaitan Kumpulan atau rakan perniagaan yang tidak diketahui umum dan boleh mempengaruhi keputusan perniagaan.
- 19.4 Maklumat sensitif termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- maklumat kewangan
 - harga tender atau kontrak
 - perancangan projek
 - strategi perniagaan
- Maklumat ini hendaklah dilindungi dan tidak didedahkan kepada pihak yang tidak berkaitan.
- 19.5 Anda dilarang:
- menyebarkan maklumat palsu
 - menyalahgunakan maklumat untuk kepentingan peribadi
 - terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan integriti Kumpulan
- 19.6 Anda tidak dibenarkan memberi sebarang maklumat, nasihat atau petunjuk berkaitan urusan perniagaan Kumpulan kepada mana-mana pihak termasuk ahli keluarga tanpa kebenaran.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 15 2 2

- 19.7 Sebarang pelanggaran terhadap klausa ini boleh dikenakan tindakan tatatertib termasuk amaran, penggantungan atau pemecatan, serta tindakan undang-undang jika berkaitan.

20.0 ANTIRASUAH DAN SUAPAN

- 20.1 Kumpulan komited untuk bertindak secara profesional, adil dan penuh integriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaannya walau di mana sahaja ia beroperasi, dan dalam menguatkuasakan sistem yang berkesan untuk membanteras rasuah dan korupsi. Kedua-dua rasuah dan korupsi adalah kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta SPRM 2009 (Akta Pindaan 2018) ("MACCA").
- 20.2 Semua pengarah dan warga kerja tidak boleh menawarkan, memberi, meminta, menuntut atau menerima sebarang rasuah / suapan dan / atau hadiah untuk memperoleh kelebihan peribadi atau perniagaan bagi diri mereka atau orang lain. Mereka juga tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam sebarang transaksi yang melanggar undang-undang antirasuah atau antipenyelewengan yang terpakai.
- 20.3 "Suapan" boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada dalam bentuk wang dan bukan wang seperti wang, derma, hadiah, pinjaman, fi, ganjaran, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, harta alih atau harta tak alih, faedah kewangan, jawatan, kedudukan, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, perjanjian untuk memberi pekerjaan atau memberi khidmat atas apa-apa sifat, apa-apa tawaran, akujanji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan termasuk pertolongan yang bernilai kepada penerima, menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak yang menguntungkan penerima dan sebarang bentuk suapan yang ditakrifkan dalam MACCA.
- 20.4 Bagi Seksyen ini, "rasuah" bermaksud sebarang hadiah, bayaran, faedah atau kelebihan lain, dalam bentuk wang atau bukan wang, yang ditawarkan, diberi, atau diterima untuk mendapatkan hasil, anugerah, keputusan, faedah atau sebarang bentuk kelebihan yang tidak sepatutnya. Rasuah tidak semestinya melibatkan wang tunai atau aset kewangan yang lain; ia boleh wujud dalam sebarang bentuk kelebihan, termasuk jaminan pinjaman, penggunaan harta atau perkhidmatan korporat secara percuma, atau peluang pekerjaan kepada ahli keluarga atau rakan-rakan individu yang berurusan dengan Kumpulan.
- 20.5 Sekiranya anda ditawarkan rasuah, anda mesti melaporkannya kepada pihak atasan atau ketua syarikat atau saluran pelaporan salah laku yang selamat. Harus diingat bahawa kegagalan melaporkan rasuah adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 25 (2) MACCA.
- 20.6 Perlu juga diingat bahawa kegagalan Syarikat (iaitu para pengarah, pegawai dan pihak pengurusan) untuk memastikan prosedur yang mencukupi bagi mencegah mana-mana orang yang berkaitan dengan Syarikat daripada terlibat dengan amalan rasuah apabila

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 16 2 2

melakukan aktiviti perniagaannya adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 17A MACCA.

21.0 SUMBANGAN DAN AKTIVITI POLITIK

- 21.1 Kumpulan dilarang keras memberi derma atau sumbangan dana / aset kepada mana-mana parti politik atau ahli politik. Walau bagaimanapun, sumbangan kebajikan kepada entiti kerajaan, agensi, persatuan, dan / atau acara yang memberi manfaat kepada rakyat adalah dibenarkan, tertakluk kepada kebenaran Had Kuasa Syarikat dan pematuhan peraturan dan undang-undang yang terpakai.
- 21.2 Anda berhak untuk melibatkan diri secara individu dalam politik. Walau bagaimanapun, penglibatan anda adalah tanggungjawab anda sepenuhnya, menggunakan masa dan sumber anda sendiri. Warga kerja atau pengarah yang ingin memegang jawatan dalam parti politik, hendaklah memaklukkannya kepada Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Syarikat masing-masing.
- 21.3 Para pengarah atau warga kerja yang terlibat secara aktif dalam aktiviti politik dilarang menggunakan kedudukan mereka dalam Kumpulan untuk membuat sebarang sumbangan atau mengeluarkan perbelanjaan menggunakan sumber Kumpulan untuk membantu kempen politik, parti atau ahli politik di mana-mana negara. Sebarang pandangan politik warga kerja atau pengarah harus dijelaskan sebagai pandangan peribadi dan tidak melibatkan Kumpulan.
- 21.4 Bagi memelihara kepentingan Kumpulan, warga kerja yang berhasrat untuk bertanding di dalam pilihanraya Negeri atau Persekutuan dikehendaki meletakkan jawatan dalam Kumpulan.

22.0 BERURUSAN DENGAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN

- 22.1 Kumpulan berusaha untuk membina hubungan yang telus dan adil dengan agensi kerajaan dan pegawai awam. Tindakan yang sewajarnya harus diambil untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai di semua negara yang mempunyai operasi Kumpulan di samping polisi dan prosedur Kumpulan yang relevan.
- 22.2 Bagi Kod ini, istilah "pegawai kerajaan" atau "pegawai awam" adalah termasuk, tanpa had, calon untuk pegawai awam, pegawai sebarang parti politik, dan pegawai syarikat milik kerajaan selain daripada Kumpulan.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 17 2 2

- 22.3 Mana-mana ejen, kontraktor, atau wakil yang berurusan dengan pegawai kerajaan bagi pihak Kumpulan mesti dinilai dan dimaklumkan syarat-syarat Kod ini berhubung rasuah dan hadiah kepada pegawai awam.
- 22.4 Anda dilarang menawarkan hadiah dan hiburan, termasuk perbelanjaan berkaitan dengan melancong, kepada pegawai kerajaan atau keluarga/ ahli keluarga mereka tanpa izin dari Ketua Syarikat anda dan berunding dengan Unit Sumber Manusia atau Unit Integriti.
- 22.5 Anda dilarang menawarkan atau memberikan hadiah dan keraian, termasuk perbelanjaan perjalanan kepada pegawai kerajaan atau ahli keluarga / isi rumah mereka tanpa kebenaran daripada ketua syarikat anda serta perbincangan dengan Unit Sumber Manusia, Perundangan atau Integriti & Urus Tadbir anda.
- 22.6 Bahagian, jabatan atau unit operasi anda mungkin tertakluk kepada soal siasat rasmi atau tidak rasmi, semakan mengejut, siasatan atau serbuan oleh pihak berkuasa dan agensi kerajaan. Dalam sebarang situasi, warga kerja dikehendaki memahami prosedur yang betul dalam berurusan dengan pemegang taruh Kumpulan, termasuk keperluan pemberitahuan dan kelulusan jika berkenaan.

23.0 PENGLIBATAN AKTIVITI BERSAMA KOMUNITI TEMPATAN

- 23.1 Kumpulan berhasrat untuk meningkatkan nilai dan keuntungan dalam semua aktiviti perniagaan, komersial dan pelaburan untuk membiayai aktiviti sosial dan memberi manfaat kepada Rakyat.
- 23.2 Kumpulan bekerja untuk kerajaan dan rakyat. Kumpulan juga sering berhubung dengan komuniti menerusi pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Membina dan mengukuhkan hubungan dengan komuniti adalah juga salah satu nilai teras bagi Kumpulan.
- 23.3 Semua pengarah dan warga kerja digalakkan untuk berhubung dan memberi sumbangan kepada komuniti tempatan dengan cara yang bertanggungjawab dari segi sosial tanpa menjejaskan manfaat yang boleh diperolehi oleh pemegang taruh.

24.0 BERURUSAN DENGAN RAKAN SEJAWAT DAN RAKAN PERNIAGAAN

- 24.1 Kumpulan berusaha membina dan memperkukuhkan hubungannya dengan rakan sejawat dan rakan niaga. Anda dikehendaki melakukan urusan perniagaan dengan beretika dan berkongsi etika dan prinsip perniagaan yang ditetapkan dalam Kod ini dengan rakan sejawat dan rakan niaga anda.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 18 2 2

- 24.2 Urusan perniagaan haruslah adil dan tidak berat sebelah, mempunyai objektif dan bebas daripada sebarang pengaruh, sama ada dari dalam atau luar Kumpulan. Sehubungan itu, anda haruslah mengelak daripada melakukan urusan perniagaan dengan pihak yang berkemungkinan merosakkan reputasi Kumpulan atau melanggar peraturan dan undang-undang (cth. antirasuah, keselamatan dan persekitaran).
- 24.3 Kumpulan hendaklah memilih rakan sejawat secara bebas dan berdasarkan merit dengan mengambil kira, antara lainnya, harga, kualiti, perkhidmatan, integriti dan piawaian etika. Anda perlu memastikan semua keputusan perolehan yang dibuat mematuhi Prosedur dan Polisi Perolehan Kumpulan (jika ada).
- 24.4 Anda mesti selalu melayan pelanggan dengan jujur dan rasa hormat. Anda juga mesti memberikan kepada mereka maklumat yang tepat dan betul mengenai produk dan perkhidmatan. Anda juga mesti berusaha untuk meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan produk dan perkhidmatan melalui proses penambahbaikan dan inovasi yang berterusan.
- 24.5 Kumpulan berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat yang mempunyai nilai, etika dan prinsip yang sama dengan Kumpulan seperti yang terkandung dalam Kod ini.

25.0 HADIAH DAN KERAIAN

- 25.1 Secara amnya, anda tidak digalakkan memberi atau menerima hadiah, keraian atau faedah lain daripada rakan niaga. Walau bagaimanapun, Kumpulan mengakui bahawa pemberian atau penerimaan hadiah dan keraian yang sederhana sekali sekala mungkin merupakan amalan biasa yang diterima dalam hubungan perniagaan. Namun begitu, Kumpulan melarang penggunaan hadiah dan keraian bagi tujuan mempengaruhi keputusan berkaitan perniagaan.
- 25.2 Anda atau ahli keluarga anda tidak dibenarkan meminta sebarang bentuk hadiah atau keraian daripada rakan sejawat atau rakan niaga sama ada secara langsung atau tidak langsung. Anda dan ahli keluarga anda juga tidak digalakkan menerima hadiah atau keraian daripada pihak-pihak berkenaan.
- 25.3 Anda juga tidak boleh memberi atau menerima hadiah atau keraian, mahu pun faedah atau keistimewaan yang boleh mempengaruhi atau seakan mempengaruhi sebarang keputusan urus niaga atau memberikan kelebihan secara tidak adil.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 19 2 2

- 25.4 Anda sama sekali tidak dibenarkan menawarkan atau menerima ihsan perniagaan yang boleh ditafsirkan sebagai usaha untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil, dan / atau yang dapat menjejaskan reputasi Kumpulan.
- 25.5 Anda mesti berusaha untuk bertindak secara adil dan tidak berat sebelah dalam semua urusan niaga, dan mengamalkan hubungan serta amalan profesional di samping mementingkan integriti.
- 25.6 Seksyen ini perlu dibaca bersama dengan Polisi Tidak Menerima Hadiah Kumpulan dan prosedur dan polisi lain yang berkaitan. Jika timbul keraguan, anda hendaklah merujuk kepada ketua Sumber Manusia atau Perundangan, Integriti & Tadbir Urus.

26.0 MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 26.1 Semua pengarah dan warga kerja diharapkan membuat keputusan berkaitan perniagaan demi kepentingan terbaik Kumpulan. Keputusan dan tindakan berkaitan perniagaan tidak sepatutnya dipengaruhi oleh kepentingan peribadi, pertimbangan atau hubungan. Hubungan dengan bakal atau rakan niaga sedia ada, pelanggan, pesaing atau pihak berkuasa tidak sepatutnya mempengaruhi kebebasan anda membuat keputusan yang bebas dan wajar bagi pihak Kumpulan.
- 26.2 Konflik kepentingan timbul dalam sebarang situasi apabila seseorang individu mengambil kesempatan daripada kedudukan dan peranannya dalam kumpulan demi kepentingan peribadinya serta manfaat kepada keluarga dan rakan-rakannya.
- 26.3 Para pengarah dan warga kerja, yang dalam apa jua cara, secara langsung atau tidak langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan perniagaan dengan Kumpulan, perlu mengisytiharkannya kepada Pengurusan (dalam kes pengarah, kepada Lembaga Pengarah) dan setelah itu menghentikan penglibatannya dalam urusan perniagaan berkenaan.
- 26.4 Konflik kepentingan akan menjejaskan nilai-nilai yang baik, kesetiaan, ketekunan dan integriti sewaktu melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang diharapkan Kumpulan. Oleh itu, anda hendaklah mengelakkan konflik kepentingan yang melibatkan urusan peribadi dan tugas serta tanggungjawab anda dalam mengendalikan perniagaan Kumpulan. Penyalahgunaan jawatan, maklumat sulit, aset dan sumber lain untuk kepentingan diri atau pihak lain yang berkaitan dengan anda adalah dilarang sama sekali.
- 26.5 Sekiranya pada bila-bila masa anda mendapati anda mungkin mempunyai konflik kepentingan sebenar atau berpotensi menghadapinya, anda dikehendaki memaklukkannya dengan segera kepada Pengurusan (untuk pengarah, kepada

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 20 2 2

Lembaga) agar dapat ditentukan sama ada konflik tersebut wujud atau sejauh mana seriusnya konflik itu.

27.0 AKTIVITI PELABURAN

- 27.1 Anda tidak boleh membiarkan aktiviti pelaburan anda mempengaruhi, atau seakan mempengaruhi pertimbangan bebas anda bagi pihak Kumpulan. Situasi yang memungkinkan wujudnya konflik kepentingan adalah apabila anda mempunyai pelaburan dengan syarikat pesaing, rakan niaga, atau pelanggan dan keputusan anda mungkin mempunyai kesan perniagaan ke atas pihak luar ini.
- 27.2 Anda mesti mengelak daripada sebarang pelaburan yang boleh atau mungkin menimbulkan konflik kepentingan dan menghalang anda daripada menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap Kumpulan.
- 27.3 Anda juga dilarang sama ada secara langsung atau tidak langsung membeli atau memperoleh hak ke atas hartanah atau bahan apabila anda tahu Kumpulan berminat untuk memilikinya dan maklumat itu tidak diketahui umum.
- 27.4 Sekiranya timbul keraguan mengenai status pelaburan, anda hendaklah memaklukkannya kepada Pengurusan (atau dalam kes pengarah, kepada Lembaga Pengarah).

28.0 PEKERJAAN LUAR DAN JAWATAN PENGARAH

- 28.1 Warga kerja perlu sedar pada setiap masa bahawa pekerjaan luar dan jawatan pengarah boleh mewujudkan konflik kepentingan yang boleh menjejaskan tugas hakiki untuk Kumpulan.
- 28.2 Sebelum melakukan pekerjaan luar, warga kerja hendaklah mendapatkan kelulusan Pengurusan. Secara umumnya, ia tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, Kumpulan mungkin mempertimbangkan sebarang permohonan untuk pekerjaan luar tertakluk kepada perkara-perkara berikut:
- Organisasi yang disertai warga kerja tidak bersaing dengan sebarang aktiviti perniagaan Kumpulan;
 - Prestasi atau jadual kerja warga kerja tidak terjejas atau terganggu;
 - Warga kerja tidak menggunakan aset dan sumber Kumpulan;
 - Tanggungjawab kerahsiaan terhadap Kumpulan tidak dilanggar;
 - Kumpulan tidak terjejas dalam apa jua cara;
 - Pekerjaan itu mematuhi undang-undang dan peraturan;

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 21 2 2

- g. Sebarang perniagaan yang dimiliki warga kerja tidak berurusan dengan mana-mana rakan perniagaan Kumpulan, contohnya pembekal.

- 28.3 Warga kerja yang menjadi ahli Lembaga Pengarah atau pengarah syarikat luar, terutamanya syarikat yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan, adalah terdedah kepada konflik kepentingan. Untuk jawatan-jawatan sedemikian, warga kerja perlu mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Ketua Syarikat atau Lembaga Pengarah.
- 28.4 Kegagalan warga kerja memaklumkan kepada Kumpulan apabila berlakunya konflik kepentingan (atau kemungkinan wujudnya konflik kepentingan seperti yang dinyatakan di atas) dan / atau kegagalan memenuhi kehendak Kumpulan dianggap sebagai salah laku dan tindakan tatatertib yang sewajarnya akan dikenakan ke atas warga kerja berkenaan.
- 28.5 Konflik kepentingan atau potensi konflik kepentingan yang dimaklumkan sepenuhnya dan dibenarkan secara rasmi oleh Kumpulan dianggap melanggar Kod ini.

29.0 PELAPORAN SALAH LAKU

- 29.1 Kumpulan telah menubuhkan saluran pelaporan salah laku yang merupakan platform komunikasi yang selamat, sulit dan tidak memerlukan pengenalan diri khusus bagi pihak dalaman dan luaran menyuarakan kebimbangan atau melapor sebarang salah laku. Seksyen ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Pemberitahuan Maklumat Kumpulan.
- 29.2 Polisi Pemberitahuan Maklumat Kumpulan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:
- Untuk menjadi saluran kepada warga kerja dan pihak lain melaporkan salah laku.
 - Untuk meyakinkan warga kerja dan pihak lain bahawa mereka dilindungi daripada sebarang tindakan balas, diskriminasi dan pemangsaan kerana pelaporan salah laku yang dibuat; dan
 - Untuk menjadi mekanisme rasmi bagi tindakan ke atas segala laporan yang dibuat.
- 29.3 Kumpulan berharap semua pihak bertindak dengan niat yang baik dan mempunyai bukti yang kukuh apabila melaporkan sebarang kebimbangan, salah laku atau isu. Sekiranya tuduhan terbukti berniat jahat, pihak yang berkenaan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya, termasuk tindakan undang-undang jika perlu.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: KOD ETIKA PERNIAGAAN		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/COBE/P-01	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 22 2 2

30.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 30.1 Kumpulan memandang serius setiap laporan dan insiden yang mungkin melanggar Kod ini dan akan menyiasat dengan teliti selaras dengan prosedur siasatan yang terpakai. Tindakan tatatertib yang sewajarnya akan diambil sekiranya terbukti berlaku pelanggaran Kod.
- 30.2 Bagi pengguna Kod ini, termasuk pengarah, warga kerja, dan sekiranya berkaitan, pihak ketiga, sesiapa yang didapati melanggar Kod ini akan diadili selaras dengan Buku Peraturan Etika Kerja, Kelakuan & Tatatertib Kumpulan yang boleh membawa kepada pemecatan atau penamatan hubungan perniagaan.
- 30.3 Kumpulan komited untuk memastikan setiap tindakan tatatertib yang diambil adalah selaras dengan amalan yang diterima serta undang-undang dan peraturan yang relevan.
- 30.4 Tertakluk kepada keperluan undang-undang yang terpakai, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas sesiapa yang terangkum dalam Kod ini atas sebarang salah laku atau ketidakpatuhan undang-undang, peraturan dan prosedur.

-TAMAT-